



UDA ANJUR RIDE AMAL BADIM, BANTU DAN SANTUNI GOLONGAN MEMERLUKAN

Seramai 35 penunggang motosikal dan 5 sukarelawan menyertai konvoi ke Madrasah Tahfiz At-Tohiriah, Port Dickson dan bergotong-royong

Sebanyak RM17,000 dan 22 naskah Al-Quran diperuntukkan ke madrasah tersebut

Kuala Lumpur, 12 November 2018 – Peka dan prihatin dengan komuniti setempat, UDA Holdings Berhad (UDA) sekali lagi menyantuni golongan memerlukan menerusi penganjuran 'Ride Amal Badim', baru-baru ini. Program hasil kerjasama Badan Didikan Islam UDA (BADIM) itu bukan saja mengeratkan hubungan dengan masyarakat setempat tapi turut memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan kakitangan.

Membabitkan penyertaan 35 penunggang motosikal dan 5 sukarelawan yang kesemuanya terdiri daripada kakitangan UDA, aktiviti konvoi santai itu bermula dari Kuala Lumpur ke Port Dickson. Pelepasan pada jam 8.00 pagi dari Anggun Sales Gallery, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur menuju ke Madrasah Tahfiz At-Tohiriah, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Konvoi berhenti di dua stesen minyak iaitu Stesen Minyak Shell Sungai Besi dan Stesen Minyak Shell Mambau sebelum tiba di madrasah pada jam 11.00 pagi. Hadir bagi menyampaikan sumbangan kepada Mardarah Tahfiz At-Tohiriah bagi pihak UDA ialah Puan Radziah Mohamed Fadzil, Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan UDA dan Encik Mohd Nazri Jamiran selaku Timbalan Yang Di-Pertua BADIM.

Encik Mohd Nazri berkata, "Pada hari ini, UDA hadir bagi menyampaikan cek sumbangan zakat berjumlah RM5,000. Selain itu, pihak UDA turut menyalurkan sumbangan berupa barangan seperti laptop, almari, peti sejuk dan keperluan harian berjumlah RM12,000. Ini menjadikan jumlah keseluruhan sumbangan sebanyak RM17,000.

"Tidak ketinggalan, pihak BADIM yang turut menyelaraskan program ini berkesempatan menyalurkan sumbangan berupa 22 naskah Al-Quran," katanya.

Madrasah Tahfiz At-Tohiriah diwakili Ustaz Muhamad Adha Boyong selaku Mudir/Pengetuanya bagi menerima sumbangan pada kunjungan hari itu. Madrasah yang mula ditubuhkan pada tahun 2000 itu dihuni 22 penghuni perempuan berusia lingkungan 7 tahun hingga 17 tahun.

Gotong-royong bermula jam 12.30 tengah hari sebelum semua peserta berhenti rehat dan solat berjemaah pada jam 1.30 petang. Gotong-royong membabitkan kerja-kerja pembersihan kawasan sekitar madrasah seperti mop lantai, cuci tingkap, cabut rumput dan memasang perabot bersambung semula jam 3.00 petang. Majlis bersurai pada jam 5.00 petang.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA) merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan berdaya saing di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan pengurusan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri hospitaliti. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my atau laman Facebook www.facebook.com/UDAHoldings.

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- Latifah Osman (LAT) | lat@udanet.com | +6012 291 5427
- Nor Hanisah Kamaruzaman | n.hanisah@udanet.com | +6013 597 4264

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan

UDA Holdings Berhad

Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,

Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855

Caption:

1. PELEPASAN konvoi yang disertai 35 penunggang motosikal dan 5 sukarelawan yang kesemuanya terdiri daripada kakitangan UDA itu diadakan pada jam 8.00 pagi di Anggun Sales Gallery, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur. Puan Radziah Mohamed Fadzil, Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan UDA (dua dari kiri, memegang bendera) mengibarkan bendera pelepasan.
2. KONVOI santai yang menggabungkan aktiviti riadah dan kesukarelawanan itu tiba di Madrasah Tahfiz At-Tohiriah, Port Dickson, Negeri Sembilan pada jam 11.00 pagi.
3. PELBAGAI aktiviti gotong royong dijalankan antaranya memasang perabot yang juga sebahagian daripada sumbangan disalurkan ke madrasah berkenaan.
4. ENCIK Mohd Nazri Jamiran, Timbalan Yang Di-Pertua BADIM (tengah) ditemani Puan Radziah Mohamed Fadzil, Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan UDA (kiri) menyampaikan cek sumbangan zakat berjumlah RM5,000 kepada Ustaz Muhamad Adha Boyong selaku Mudir/Pengetua Madrasah Tahfiz At-Tohiriah, Port Dickson, Negeri Sembilan. RM 12,000 sumbangan berupa barangan seperti laptop, almari, peti sejuk dan barangan keperluan harian turut disampaikan pada hari berkenaan menjadi jumlah keseluruhan sumbangan RM17,000.
5. BADIM turut menyalurkan sumbangan pada program berkenaan yang berupa 22 naskah Al-Quran dan disampaikan Encik Azhar Yop (tengah) selaku wakil BADIM dan ditemani Encik Mohd Nazri.
6. Encik Mohd Nazri Jamiran, Timbalan Yang Di-Pertua BADIM.
7. Ustaz Muhamad Adha Boyong, Mudir/Pengetua Madrasah Tahfiz At-Tohiriah.